

ثلاثة الأصول وأدلتها (للحرمين
(والجمعية

**Tiga Dasar Utama dan Dalil-
Dalilnya**

Tiga Dasar Utama dan Dalil-Dalilnya

Al-Shaykh Muhammad al-Tamimi rahimahullah

Tiga Dasar Utama dan Dalil-Dalilnya

Al-Shaykh Muhammad al-Tamimi rahimahullah

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi
Maha Penyayang

Ketahuilah - semoga Allah merahmatimu -
bahawa wajib ke atas kita mempelajari empat
perkara:

Pertama: Ilmu, iaitu mengenal Allah, mengenal
Nabi-Nya, dan mengenal agama Islam berdasarkan
dalil-dalil.

Kedua: Beramal dengannya.

Ketiga: Berdakwah kepada-Nya.

Keempat: Bersabar menghadapi ujian di jalan-
Nya.

Dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:
"Bismillāhir-Raḥmānir-Raḥīm."

(Maksudnya: Dengan nama Allah Yang Maha
Pemurah lagi Maha Penyayang).

﴿وَالْعَصْرَ 1 إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ 2 إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ 3﴾

Demi Masa!

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian -

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal
soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan

kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.
(Surah al-`Asr: 1-3).

Al-Syafi'i rahimahullah berkata: Kalaulah Allah tidak menurunkan hujah kepada makhluk-Nya melainkan surah ini, nescaya ia sudah mencukupi bagi mereka.

Imam al-Bukhari RA berkata: BAB: ILMU SEBELUM PERKATAAN DAN PERBUATAN

Dalilnya ialah firman Allah Ta'ala:

﴿...فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ﴾ (Surah Muhammad: 19). Dalam ayat ini, Allah memulakan ayat dengan ilmu sebelum perkataan dan perbuatan.

Ketahuilah - semoga Allah merahmatimu - : bahawa setiap Muslim dan Muslimah wajib mempelajari tiga perkara ini, dan beramal dengannya:

Pertama: Allah telah menciptakan kita, memberi rezeki kepada kita, dan tidak membiarkan kita tersia-sia; sebaliknya Dia telah mengutuskan kepada kita seorang rasul. Maka, sesiapa yang mentaatinya akan masuk ke syurga, dan sesiapa yang menderhakainya akan masuk ke neraka.

Dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَهِيدًا عَلَيْكُمْ كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ۖ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْذًا وَبِيلًا﴾

Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu (tentang orang yang mematuhi atau menolak seruan), sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun seorang Rasul.

Maka Firaun menderhaka kepada Rasul itu, lalu Kami menyeksanya dengan azab seksa yang seberat-beratnya. [Surah al-Muzzammil: 15-16]

Kedua: Sesungguhnya Allah tidak reda jika ada sesuatu yang disekutukan bersama-Nya dalam ibadah, sama ada malaikat yang hampir (kepada Allah) ataupun nabi yang diutus;

Dalilnya ialah firman Allah Ta'ala:

﴿وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾ (18)

Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun melainkan kepada Allah semata. (Surah al-Jinn: 18).

Ketiga: Sesiapa yang mentaati Rasulullah ﷺ dan mentauhidkan Allah, tidak boleh baginya menjalin kesetiaan dengan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya ﷺ, walaupun dia adalah kaum kerabat terdekat.

Dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُمْ

بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿22﴾

Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadaNya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah redha akan mereka dan mereka redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah penyokong-penyokong (agama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya. (Surah al-Mujadalah: 22).

Ketahuilah – bahawa al-Hanifiyyah – agama Nabi Ibrahim – adalah beribadah kepada Allah semata-mata dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya. Untuk itulah Allah memerintahkan seluruh manusia dan menciptakan mereka kerananya; sebagaimana firman-Nya:

(وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿56﴾)

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. (Surah al-Dhāriyāt: 56). Dan maksud "يَعْبُدُونَ" ialah: mereka mentauhidkan-Ku.

Arahan terbesar yang diperintahkan oleh Allah ialah mentauhidkan Allah, iaitu mengesakan-Nya dalam ibadah.

Larangan yang paling besar ialah syirik, iaitu: Menyeru selain-Nya bersama-Nya.

Dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا...﴾

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua... (Surah al-Nisā': 36).

Maka apabila ditanyakan kepadamu: Apakah tiga asas yang wajib diketahui oleh manusia?

Maka katakanlah: Seorang hamba mengenal Rabb-nya, agamanya, dan Nabinya Muhammad ﷺ.

[Dasar Pertama]

Maka apabila ditanya kepadamu: "Siapa Tuhanmu?"

Maka katakanlah: Tuhanku adalah Allah yang menciptakanku dan memelihara seluruh alam dengan nikmat-Nya, dan Dialah satu-satunya yang aku sembah; dan dalilnya adalah firman Allah Taala:

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ 2﴾

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (Surah al-Fatihah: 2). Segala sesuatu selain Allah adalah alam, dan aku adalah salah satu daripada alam itu.

Maka apabila ditanya kepadamu: "Dengan apa engkau mengenal Tuhanmu?

Maka katakanlah: Dengan tanda-tanda-Nya dan makhluk-makhluk-Nya.

Antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, dan matahari dan bulan.

Dan antara makhluk ciptaan-Nya ialah: tujuh petala langit dan segala yang ada di dalamnya, tujuh petala bumi dan segala yang ada di dalamnya, serta apa yang ada di antara kedua-duanya,

Dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ﴾ (37)

Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah. (Surah Fussilat: 37).

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ 54﴾

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy. Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Dia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (Surah al-A'rāf: 54)

Tuhan adalah yang disembah; dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ 21 الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ 22﴾

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.

Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-

buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). (Surah al-Baqarah: 21-22).

Ibn Kathir rahimahullah berkata: Yang menciptakan segala sesuatu ini, Dialah yang berhak disembah.

Jenis-jenis ibadah yang diperintahkan oleh Allah – seperti Islam, Iman, dan Ihsan; dan antaranya: Doa, takut, berharap, tawakal, penuh harap, gerun, khusyuk, takut, berserah, memohon pertolongan, memohon perlindungan, memohon bantuan, menyembelih, bernazar, dan lain-lain jenis ibadah yang diperintahkan oleh Allah – kesemuanya hanyalah untuk Allah Taala. Dalilnya adalah firman-Nya Taala:

﴿وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾ (18)

Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah. (Surah al-Jinn: 18).

Maka sesiapa yang memalingkan sesuatu daripadanya kepada selain Allah, maka dia adalah musyrik dan kafir. Dan dalilnya adalah firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ
الْكَافِرُونَ﴾ (117)

Dan sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya. (Surah al-Mu'minun: 117).

Dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ bersabda:

"الدُّعَاءُ مُخُّ الْعِبَادَةِ".

Doa adalah teras ibadah.

Dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾ (60)

Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina. (Surah Ghāfir: 60).

Dalil khauf dalam firman Allah Ta'ala:

﴿...فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُوا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴾

Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku (jangan cuaikan perintah-Ku), jika benar kamu orang-orang yang beriman. (Surah Āli ‘Imrān: 175).

Dalil al-Raja' dalam firman Allah Ta'ala:

﴿...فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا﴾

Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapaapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya. (Surah al-Kahfi: 110).

Dan dalil tawakkal adalah firman Allah Ta'ala:

﴿...وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴾

dan kepada Allah jualah hendaklah kamu berserah, jika benar kamu orang-orang yang beriman (Al-Mā'idah: 23) Juga dalam doa baginda

ﷺ:

﴿...وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ...﴾

Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). (Surah al-Talaq: 3).

Dan dalil bagi mengharap, rasa takut, dan khusyuk: firman Allah Ta'ala:

﴿...إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خُشِعِينَ﴾

(Mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami.) (Surah al-Anbiyā': 90)

Dan dalil bagi perasaan takut adalah firman Allah Ta'ala:

﴿...فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ...﴾

Maka janganlah kamu takut kepada mereka, dan takutlah kamu kepada-Ku (Al-Mā'idah: 3)

Dan dalil inabah yakni kembali kepada Allah adalah dalam firman-Nya:

﴿وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ...﴾

Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya... (Surah al-Zumar: 54).

Dan dalil isti'anah adalah dalam firman Allah Ta'ala:

﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾5

Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (Surah al-Fatihah: 5) Dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ bersabda:

"إِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ".

Jika kamu memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan hanya kepada Allah.

Dan dalil istiazah adalah firman Allah Ta'ala:

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ﴾1

Katakanlah (wahai Muhammad); “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, (Surah al-Falaq: 1).

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ﴾1

Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. (Surah al-Nas: 1)

Dan dalil istighathah adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ...﴾

(Ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada tuhan kamu, lalu Ia perkenankan permohonan kamu... (Surah al-Anfāl: 9).

Dan dalil ibadah penyembelihan adalah firman Allah Ta'ala:

﴿قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ 162 لَا شَرِيكَ لَهُ...﴾

Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

Tiada sekutu bagiNya... (Surah al-An'am: 162-163). Dalam al-Sunnah:

"لَعَنَ اللَّهُ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ."

Allah melaknat orang yang menyembelih untuk selain Allah.

Dalil nazar adalah firman Allah Ta'ala:

﴿يُوفُونَ بِالْأَنذَرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا﴾

(Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana) mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azab seksanya merebak di sana sini. (Surah al-Insān: 7).

[Dasar Kedua]

Mengenal agama Islam dengan dalil-dalil, iaitu: Menyerahkan diri kepada Allah dengan tauhid,

tunduk kepada-Nya dengan ketaatan, dan berlepas diri daripada syirik dan para pelakunya.

Terdiri daripada tiga tahap: Tingkatan Islam, Tingkatan Iman, dan Tingkatan Ihsan

Setiap martabat mempunyai rukun-rukun.

Maka rukun-rukun Islam itu ada lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan menunaikan haji ke Baitullah al-Haram.

Dalil syahadah adalah firman Allah Ta'ala:

﴿شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾ (18)

Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Āli 'Imrān: 18).

Maksudnya: Tiada yang berhak disembah selain Allah.

Lā ilāha" menafikan segala yang disembah selain Allah.

'melainkan Allah', mengisbatkan ibadah bagi Allah semata-mata.

Tiada sekutu bagi-Nya dalam ibadah kepada-Nya, sebagaimana tiada sekutu bagi-Nya dalam Kerajaan-Nya.

Tafsirannya yang menjelaskannya: Firman Allah Ta'ala:

﴿وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنَّنِي بَرَاءٌ مِّمَّا تَعْبُدُونَ 26 إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي..﴾

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu sembah -

Yang lain dari Tuhan yang menciptakan daku.. (Surah al-Zukhruf: 26-27). Demikian juga firman Allah SWT:

﴿قُلْ يَٰأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ﴾ 64

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada

mereka: “Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam”. (Surah Ali `Imran: 64)

Dalil syahadah bahawa Muhammad adalah Rasulullah; firman-Nya Ta'ala:

﴿لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ 128﴾

Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad ﷺ), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. (Surah al-Tawbah: 128).

Maksud syahadah 'Muhammad Rasulullah':

Mentaati Baginda ﷺ dalam segala perintahnya, membenarkan semua yang dikhabarkannya, menjauhi segala yang dilarangnya, serta tidak menyembah Allah kecuali dengan syariat yang dibawanya.

Dalil solat, zakat, dan tafsir tauhid adalah firman Allah Ta'ala:

﴿وَمَا أَمْرُو إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ 5﴾

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid;

dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar. (Surah al-Bayyinah: 5).

Dan dalil puasa: Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾
(183)

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Surah al-Baqarah: 183).

Dalil haji adalah firman Allah Ta'ala:

﴿وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا وَمَن كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ﴾
(97)

Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajiban ibadah haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk. (Surah Ali `Imran: 97).

Tingkatan Kedua: Iman; iaitu: lebih daripada tujuh puluh cabang, yang paling tinggi ialah ucapan: 'La ilaha illallah', dan yang paling rendah ialah menyingkirkan gangguan dari jalan, dan malu itu adalah salah satu cabang iman.

Rukun-rukunnya ada enam: engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-

Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, dan beriman kepada takdir, baiknya dan buruknya.

Dan dalil bagi rukun yang enam ini adalah firman Allah Ta'ala:

﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ...﴾

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi... (Surah al-Baqarah: 177).

Dan dalil al-Qadar adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ﴾ (49)

Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan). (Surah al-Qamar: 49).

Martabat yang ketiga: al-Ihsan, iaitu rukun pertama: kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu.

Dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ﴾ (128)

Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (Surah al-Nahl: 128).

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿وَتَوَكَّلْ عَلَى الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ 217 الَّذِي يَرْلَكَ حِينَ تَقُومُ 218 وَتَقْلَبُ فِي السُّجُودِ 219﴾

Dan berserahlah kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani, (217)

Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mengerjakan sembahyang) (218)

Dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang-orang yang sujud. (219) (Surah al-Syu'ara': 217-219)

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِنْ قُرْآنٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ...﴾

Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat daripada al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya... (Surah Yūnus: 61). *

Dalil daripada al-Sunnah: hadis Jibril yang masyhur, daripada 'Umar RA, beliau berkata:

"بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ، شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يَرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ!

Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah ﷺ pada suatu hari, tiba-tiba muncul seorang lelaki yang berpakaian sangat putih dan berambut sangat

hitam. Tidak kelihatan padanya tanda-tanda sebagai seorang musafir, dan tiada seorang pun daripada kami yang mengenalinya. Dia duduk di hadapan Nabi ﷺ, lalu menyandarkan lututnya ke lutut baginda dan meletakkan tapak tangannya di atas pehanya, kemudian berkata: "Wahai Muhammad!

أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ؟

Beritahulah aku tentang Islam?

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: الْإِسْلَامُ: أَنْ تَشْهَدَ أَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا، قَالَ: صَدَقْتَ - فَعَجِبْنَا لَهُ، يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ -.

Rasulullah ﷺ menjawab: "Islam ialah kamu bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, dan menunaikan haji ke Baitullah jika mampu." Dia berkata, "Benar." Kami merasa hairan kerana dia bertanya dan kemudian membenarkan jawapannya.

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ؟

Dia bertanya: "Ceritakan kepadaku berkenaan Iman?

قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ، قَالَ: صَدَقْتَ.

Baginda bersabda, "Kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, dan kamu beriman dengan

takdir baik dan buruknya." Dia berkata, "Engkau benar.

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ؟

Dia berkata: "Ceritakan kepadaku berkenaan Ihsan?

قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

Baginda bersabda: "Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya; jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu.

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ؟

Dia bertanya: "Maka khabarkanlah kepadaku tentang hari kiamat?"

قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ.

Baginda bersabda: "Yang ditanya tidaklah lebih mengetahui daripada yang bertanya."

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا؟

Lelaki itu bertanya: "Ceritakan kepadaku berkenaan tanda-tandanya?

قَالَ: أَنْ تِلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْخِفَاءَ الْعُرَاءَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ، يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ.

Sabda Baginda: Apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya, dan engkau melihat orang-orang yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan miskin tegar dalam kalangan penggembala kambing, berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi.

قَالَ: ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ لِي: يَا عُمَرُ! أَتَدْرِي مَنِ السَّائِلُ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَغْلَمُ، قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ، أَتَأْكُمُ يَعْلَمُكُمْ دِينَكُمْ".

‘Umar berkata: "Kemudian lelaki itu pun pergi, lalu aku diam beberapa ketika. Setelah itu Baginda ﷺ berkata kepadaku: "Wahai ‘Umar, tahukah engkau siapa orang yang bertanya tadi?" Aku berkata: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda ﷺ bersabda: "Sesungguhnya dia adalah Jibril, dia datang untuk mengajar kamu tentang agama kamu.

[Dasar Ketiga]

Mengenali Nabi kamu Muhammad ﷺ. Baginda ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim. Hasyim berasal daripada suku Quraisy, Quraisy daripada bangsa Arab, dan bangsa Arab adalah daripada keturunan Nabi Ismail bin Ibrahim al-Khalil – Semoga selawat dan salam terbaik dilimpahkan kepada mereka berdua dan kepada Nabi kita.

Usia baginda adalah 63 tahun: 40 tahun sebelum kenabian, dan 23 tahun sebagai nabi dan rasul.

Baginda dilantik menjadi nabi dengan (wahyu) *Iqra'*, dan diutus menjadi rasul dengan (surah) *al-Muddaththir*, dan negeri baginda ialah Mekah.

Allah mengutus-Nya untuk memperingatkan manusia daripada kesyirikan, dan menyeru kepada tauhid. Dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿يَا أَيُّهَا الْمَدْيَنِيُّ ۖ قُمْ فَاذْهَبْ ۚ وَرَبِّكَ فَكَذِّبْ ۚ وَنَبِيَّكَ فَطَهِّرْ ۚ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۚ وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكْثِرُ ۚ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ۚ﴾

Wahai orang yang berselimut! (1)

Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). (2)

Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya! (3)

Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.

Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. (5)

Dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya. (6)

Dan bagi (menjalankan perintah) Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar (terhadap tentangan musuh)! (7) (Surah al-Muddaththir: 1-7).

Maknanya

﴿فَمَّ فَأَنْذِرْ﴾

Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Memberi amaran terhadap syirik, dan menyeru kepada tauhid.

﴿وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ﴾

Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya!

Iaitu: Agungkanlah Allah dengan mengesakan-Nya.

﴿وَتِلْكَ فَطَهِّرْ﴾

Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.

Ertinya: Sucikanlah amalan-amalanmu daripada syirik.

﴿وَالرُّجْزَ فَأَهْجُرْ﴾

Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi.

Al-Rujz: Berhala-berhala. Dan menjauhinya: iaitu meninggalkannya, dan berlepas diri daripadanya dan ahlinya.

Baginda menghabiskan masa selama sepuluh tahun berdakwah kepada Tauhid. Selepas tempoh itu, baginda diangkat ke langit dan solat lima waktu difardukan ke atasnya. Kemudian, baginda menunaikan solat di Mekah selama tiga tahun, dan selepas itu datang perintah keatasnya untuk berhijrah ke Madinah.

Hijrah itu adalah perpindahan dari negeri syirik ke negeri Islam.

Hijrah merupakan kewajipan bagi umat ini dari negeri syirik ke negeri Islam, dan ia kekal sehingga hari kiamat.

Dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْنَاهُمُ الْغُلَامَ طَالِمِي أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضَ اللَّهِ وَسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا قَالُوا لَكَ مَاؤُهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا 97 إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا 98﴾

Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: “Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?” Mereka menjawab: “Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi”. Malaikat bertanya lagi: “Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas daripadanya?” Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahannam, dan neraka jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.

Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). (Surah al-Nisā': 97-98).

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿يَعْبَادِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ أَرْضِي وَسِعَةٌ فَإِنِّي فَأَعْبُدُونَ﴾ (56)

Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Sesungguhnya bumiKu adalah luas (untuk kamu bebas beribadat); oleh itu, (di mana sahaja kamu dapat berbuat demikian) maka hendaklah kamu ikhlaskan ibadat kamu kepada-Ku. (Surah al-‘Ankabūt: 56).

Al-Baghawi rahimahullah berkata: Sebab turunnya ayat ini: Berkenaan kaum Muslimin di Mekah yang tidak berhijrah, Allah menyeru mereka dengan nama iman.

Dan dalilnya daripada Al-Sunnah tentang hijrah adalah sabdanya:

"لَا تَنْقَطِعُ الْهَجْرَةُ حَتَّى تَنْقَطِعَ التَّوْبَةُ، وَلَا تَنْقَطِعَ التَّوْبَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا".

"Hijrah tidak akan terputus sehingga terputusnya taubat, dan taubat tidak akan terputus sehingga terbitnya matahari dari barat."

Maka setelah baginda menetap di Madinah, diperintahkanlah syariat-syariat Islam yang lain seperti zakat, puasa, haji, azan, jihad, serta amar makruf dan nahi mungkar. Baginda menjalani tempoh ini selama sepuluh tahun.

Baginda ﷺ telah wafat, sedangkan agamanya tetap kekal. Dan inilah agamanya: setiap kebaikan telah baginda ajarkan kepada umat, dan setiap keburukan telah baginda peringatkan kepada umat.

Dan kebaikan yang ditunjukkan kepadanya ialah: Tauhid, dan segala yang dicintai oleh Allah SWT serta diredai-Nya.

Adapun kejahatan yang diperingatkan daripadanya ialah syirik, dan segala perkara yang dibenci dan ditolak oleh Allah.

Allah mengutuskan-Nya kepada seluruh manusia, dan mewajibkan ketaatan kepada-Nya ke

atas seluruh jin dan manusia. Dalilnya adalah firman Allah SWT:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا...﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya... (Surah al-A'rāf: 158).

Dan Allah telah menyempurnakan agama ini dengannya; dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿...الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا...﴾

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu. (Surah al-Mā'idah: 3).

Dalil atas kewafatannya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ 30 ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ 31﴾

Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati.

Kemudian, sesungguhnya kamu semua, pada hari kiamat, akan bertengkar berhujah di hadapan Tuhan kamu. (31) (Surah al-Zumar: 30-31).

Dan manusia apabila mati akan dibangkitkan; dan dalilnya ialah firman Allah Taala:

﴿مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى 55﴾

Dari bumilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi. (Surah Taha: 55). Demikian juga firman Allah SWT:

﴿وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ۖ ۙ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ۖ﴾ (18)

Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna, (17)

“Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam bumi (sesudah mati), dan mengeluarkan kamu daripadanya (sesudah dihidupkan semula untuk dihitung amal kamu dan diberi balasan), dengan pengeluaran yang sesungguhnya-sungguhnya? (Surah Nūḥ: 17-18).

Dan setelah kebangkitan, mereka akan dihisab dan dibalas atas amalan-amalan mereka; dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿...لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسَاءُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى﴾

(diciptakan semuanya itu) untuk membalas orang-orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan, dan membalas orang-orang yang berbuat baik dengan balasan yang sebaik-baiknya. (Surah al-Najm: 31).

Dan sesiapa yang mendustakan hari kebangkitan, maka dia kafir, dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ 7﴾

(Antara sebab-sebab kufur) orang-orang yang kafir (ialah kerana mereka) mengatakan bahawa mereka tidak sekali-kali akan di bangkitkan (sesudah mati). Katakanlah: “Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan, kemudian kamu akan diberitahu tentang segala yang kamu telah kerjakan. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya. (7) (Surah al-Taghabun: 7).

Allah mengutuskan semua para rasul sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran. Dalilnya adalah firman Allah Taala:

﴿رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ...﴾

Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. (Surah al-Nisā’: 165).

Orang yang pertama dalam kalangan mereka adalah Nabi Nuh AS.

Dan yang terakhir daripada mereka ialah Muhammad ﷺ, baginda merupakan penutup

sekalian Nabi, tiada lagi Nabi selepasnya; dan dalilnya adalah firman Allah ﷻ:

﴿مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ...﴾

Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi... (Surah al-Aḥzāb: 40).

Dan dalil bahawa rasul yang pertama ialah Nuh AS adalah firman Allah Ta'ala:

﴿إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ...﴾

Sungguhny Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh, dan Nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya... (Surah al-Nisa': 163).

Dan kepada setiap umat, Allah telah mengutus seorang rasul – daripada Nuh sehinggalah kepada Muhammad – yang memerintahkan mereka untuk menyembah Allah semata, dan melarang mereka daripada menyembah Thaghut. Dan dalilnya adalah firman-Nya Ta'ala:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطُّغُوتَ...﴾

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintakkannya menyeru mereka): “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut... (Surah al-Naḥl: 36).

Allah memfardukan ke atas semua hamba: kufur kepada taghut, dan beriman kepada Allah.

Ibn al-Qayyim rahimahullah berkata: Maksud Taghut: Apa sahaja yang seorang hamba melampaui batas terhadapnya, iaitu yang disembah, atau yang diikuti, atau yang ditaati.

Dan Taghut itu banyak, dan ketua-ketuanya ada lima: Iblis - semoga Allah melaknatnya, sesiapa yang disembah sedangkan dia reda, sesiapa yang menyeru manusia untuk menyembah dirinya, sesiapa yang mengaku mengetahui sesuatu daripada ilmu ghaib, dan sesiapa yang berhukum dengan selain apa yang diturunkan oleh Allah.

Dan dalilnya adalah firman Allah Ta'ala:

﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدْ

أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾ (256)

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah al-Baqarah: 256), dan inilah maksud “Tiada yang berhak disembah selain Allah”, dan di dalam hadis: "رَأْسُ الْأَمْرِ: الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ: الصَّلَاةُ، وَذِرْوَةُ سَنَامِهِ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ."

“Pokok segala urusan ialah Islam, tiangnya ialah solat, dan puncak tertingginya ialah jihad di jalan Allah.”

Allah SWT lebih mengetahui.

Index

Tiga Dasar Utama dan Dalil-Dalilnya	2
Tiga Dasar Utama dan Dalil-Dalilnya	2
[Dasar Pertama].....	6
[Dasar Kedua]	13
[Dasar Ketiga]	22